

Kuiz Pelaburan PNB 2021

PNB
Permodalan Nasional Berhad

Labur dahulu baru belanja

Ketepikan lima hingga 10 peratus daripada pendapatan setiap bulan untuk pelaburan

Antara punca utama menyebabkan ramai tidak mempunyai tabungan kecemasan ialah keutamaan yang diberikan lebih kepada berbelanja berbanding mengeneipkan sedikit wang sebagai persediaan untuk sebarang perkara luar dugaan.

Kita tidak bimbang untuk menambah hutang dan berbelanja, tetapi amat berat untuk melabur kerana berasakan pelaburan hanyalah satu perkara yang membekankan dan mengurangkan wang untuk menikmati kehidupan.

Ramai yang hanya tersekar bahawa mereka tidak mempunyai tabungan sebagai sumber kewangan apabila berlaku perkara luar dugaan seperti kehilangan pekerjaan, sakit, ditimpa ke-

malangan dan sebagainya. Kehidupan yang sangat selesa, tiba-tiba menjadi sangat sukar dan lebih malang lagi, ada hutang membukit yang perlu dilangsaikan sedangkan hidup perlu diteruskan.

Justeru, berdasarkan andaian bahawa kita mungkin kehilangan pekerjaan pada bila-bila masa, pakar kewangan menyarankan supaya setiap daripada kita mempunyai tabung kecemasan menyamai enam bulan gaji semasa.

Dengan adanya tabungan kecemasan, keadaan kewangan kita tidak akan merosot dengan mendadak dan memberi peluang kepada kita untuk mengatur langkah seterusnya selain tidak perlu menambah hutang semata-mata untuk kelangsuan hidup.

Untuk melabur sebenarnya tidaklah sukar, malahan jika dilakukan dengan betul, ia langsung tidak akan menjejaskan kualiti hidup semasa, malah memastikan kualitinya kekal utuh walau dalam apa juga keadaan sekalipun.

Salah satu kaedah paling mudah ialah dengan menerapkan sikap 'labur dahulu baru belanja' dalam pengurusan kewangan.

Jangan tunggu hingga ada lebihan baru hendak melabur, sebaliknya ketepikan lima hingga 10 peratus daripada pendapatan setiap bulan untuk pelaburan dan selepas itu,

barulah bayar hutang dan berbelanja.

Tidak mengapa jika jumlah yang dilaburkan itu serendah RM10 sahaja sebulan, yang penting wang yang dilaburkan tidak dikeluarkan.

kan kecuali jika kita benar-benar memerlukan.

Antara instrumen pelaburan yang sesuai untuk membina tabung kecemasan ialah Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang mana

kita boleh melabur pada bila-bila masa mengikut kemampuan.

Kemudahan Auto Labur yang ditawarkan menerusi portal myASNB membenarkan pelabur menetapkan pelaburan automatik serendah RM30 automatik setiap bulan ke dalam ASB secara percuma.

Sebenarnya memang tidak sukar untuk melabur, yang penting ialah komitmen dan disiplin dalam diri untuk melakukannya.

Jika setiap hari kita boleh memperuntukkan RM10 untuk kopi kegemaran, mengapa tidak kita melabur RM30 setiap bulan untuk membina tabungan yang boleh menyelamatkan kita pada waktu memerlukan.

SUSUN kewangan diri dan keluarga dengan membuat bajet. Peruntukkan sedikit daripada gaji untuk pelaburan terlebih dahulu sebelum mula berbelanja.

#capaikemerdekaankewangan

KUIZ PELABURAN

PNB 2021

ONLINE KATEGORI UMUM

Hadiah untuk dimenangi Pertama

3x RM2,000

KEDUA 5x RM1,500

KETIGA 7x RM1,000

KEEMPAT 20x RM300

KELIMA 30x RM200

Saguhati: 100x RM100

Cari jawapan di sini

PNB KUIZ Pelaburan

ASNB

AHLI FEN

SOALAN-SOALAN

- Abu melabur sebanyak RM10,000 dalam unit amanah ABC pada Januari 2015. Selepas 5 tahun, Abu menyamak pelaburannya dan mendapati modalnya telah berkembang kepada RM12,209. Abu dimaklumkan dia menerima purata dividen 4 peratus sepanjang tempoh 5 tahun berkenaan. Modal pelaburan Abu berkembang kerana kuasa faedah
Petunjuk: Saintis terkenal Albert Einstein menggelar kuasa ini sebagai 'Keajaiban dunia yang ke-8'
- ASB ialah unit amanah harga Ini menjadikannya produk pelaburan berisiko rendah yang sesuai untuk pelaburan jangka panjang dan membina tabungan pendidikan, kecemasan, perkahwinan dan persaraan.
Petunjuk: Harga seunit kekal pada RM1.
- Wang yang disimpan di rumah atau dalam akaun simpanan tidak akan berkembang. Untuk mengembangkan wang dan melindungi nilainya daripada inflasi, kita perlu membuat
Petunjuk: Pasaran saham, unit Amanah, Hartanah, Emas
- Konsep Labur dahulu baru belanja akan membolehkan seseorang melabur secara konsisten setiap bulan. Lebih mudah lagi jika kita menggunakan kemudahan pelaburan automatik untuk menetapkan pelaburan bulanan. Apakah nama kemudahan yang ditawarkan ASNB secara percuma yang membolehkan pelabur melabur secara automatik setiap bulan?
Petunjuk: myASNB
- Dua faktor ini saling berkait dalam menilai kesesuaian produk pelaburan dengan matlamat dan portfolio pelaburan yang kita inginkan. Secara umumnya, jika kita mengharapkan pulangan tinggi, kita juga perlu sanggup menanggung yang tinggi.
Petunjuk: Pendedahan/ kemungkinan menanggung kerugian

KAEDAH PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line).
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan pengatur. Keputusan pemenang adalah muktamad.
- Terma dan syarat lanjut peraduan di www.asnb.com.my

Imbas untuk jawab dan penyertaan



Tarikh tutup penyertaan : 31 Ogos 2021